

2 daya penarik umat Islam

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

A. SETAR, Ahad
TIMBALAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, menyeru masyarakat Islam menunjukkan sikap kepada masyarakat bukan Islam bahawa Islam adalah agama yang adil, toleransi dan dapat membimbing umatnya ke arah kejayaan cemerlang.

Bellau berkata, dengan cara yang demikian orang-orang bukan Islam dapat memahami akidah Islam yang sebenar dan mereka akan tertarik hati serta memeluk agama ini.

Berucap merasmikan Nuzul al-Quran di Masjid Bukit Tinggi, enam batu dari sini malam tadi, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, Malaysia akan dapat dijadikan sebuah negara Islam 100 peratus sekiranya masyarakat Islam dapat menunjukkan sikap toleransi dan perpaduan yang kukuh sesama sendiri.

Katanya, adalah menjadi tanggungjawab seluruh masyarakat Islam di negara ini untuk membuktikan perkara itu dengan berusaha menarik mereka yang bukan Islam memeluk agama Islam.

Masyarakat Islam, tegasnya, hendaklah lebih dahulu menghentikan sengketa sesama sendiri.

Timbalan Perdana Menteri itu berkata, untuk menjayakan matlamat itu masyarakat Islam hendaklah tampil ke muka bantu membantu dan hormat menghormati antara satu sama lain dengan menunjukkan cara hidup yang bersatu seperti yang dikehendaki oleh Islam.

Dengan cara ini, ujarnya, orang-orang bukan Islam akan tertarik dengan

masyarakat Islam dan akhirnya akan memeluk agama Islam seorang demi seorang dan lama kelamaan rakyat negara ini 100 peratus menjadi Islam.

Dr. Mahathir berkata, sebagaimana yang berlaku di Sabah baru-baru ini, lebih 800 orang kaum Murud yang tidak beragama dan yang beragama Kristian, termasuk seorang padri keturunan kulit putih, memeluk Islam kerana tertarik dengan sikap toleransi dan perpaduan masyarakat Islam di negeri itu.

Mendalam

Walaupun peringkat permulaan keIslaman mereka tidak begitu mendalam, tetapi orang-orang Murud tidak asing lagi dengan Islam, katanya.

Bellau mengingatkan masyarakat Islam supaya menunjukkan kebajikan yang terdapat dalam Islam di mana saja mereka berada.

Dr. Mahathir menyeru seluruh masyarakat Islam di negara ini memainkan peranan bagi mencapai matlamat tersebut.